



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

20 Oct 2020 (Selasa)

Berita Harian

Kilang disyaki punca pencemaran	1
Sultan Selangor dukacita nasib rakyat	2
Selangor tawar ganjaran RM20,000 beri maklumat	3
Air pasang 'lintas' jalan Kuala Selangor	4

Utusan Malaysia

Surat Sultan Selangor tak beri kesan	5
Kilang haram buang bahan pelarut	6
Rakyat sifatkan isu air melampau, membebankan RM20,000 kepada pemberi maklumat	7
	8

Harian Metro

1.2 JUTA PUTUS BEKALAN AIR	9
Perit gangguan berlaku ketika PKPB	10
Tiga kilang disyaki punca pencemaran	11
Kena punggah air empat kali sehari	12
Ramai pengguna 'sangkut' jalan utama dilimpahi air	13
Komited promosi digitalisasi	14

Kosmo

Rakyat sudah muak	15
Sultan dukacita isu air berulang	16
Bekalan air dijangka pulih lima hari lagi	17
Pencemaran bau di Loji Rawatan Air disyaki berpunca daripada bahan pelarut	18

Sinar Harian

3 kilang punca pencemaran bau	19
'Kerajaan negeri jangan berkompromi'	20
Tiada industri, kilang haram berhampiran Sungai Selangor	21
Bekalan air dijangka pulih hari ini	22
Peniaga terjejas akibat PKPB, ketiadaan air	23
Sultan Selangor dukacita rakyat bergelut Covid-19, jangan politikkan isu air	24
Kualiti perkhidmatan Air Selangor dipersoal	25

Bername News Channel

Dron Teknologi Tinggi Bakal Pantau Sungai Di Selangor	26
---	----

The Star

COMPOUND REDUCTION	27
Guardian of postal heritage	28
MBPJ ANNOUNCEMENT	29
Selected morning, night markets to operate	30
TRAFFIC MATTERS	31
MB: Probe under way on Sungai Selangor pollution	32
'Review the control system'	33
Businesses suffer from unscheduled water cuts	34
Double whammy for klang valley folk	35
RM2mil drones to be used to catch polluters	36
'Water issue needs solution'	37



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Foreigners under hired guards	38
Why do water cuts keep recurring?	39
New Straits Times	
AREAS IDENTIFIED IN SG SELANGOR FOULING	40
Selangor to make polluters pay up to RM1 million	41
WATER MANAGEMENT SYSTEM SCUTINISED	42
The Sun	
Air Selangor explains latest water cuts	43
Lite FM	
High Tech Drone Will Be Used To Monitor Rivers In Selangor	44
Mix FM	
High Tech Drone Will Be Used To Monitor Rivers In Selangor	45
The Malaysian Reserve	
KL,Selangor consumers should be compensated for water disruption	46
Sin Chew Daily	
4 water filter stations resume operation, will supply water to 3 groups in stages	47
Selangor and Kuala Lumpur produce water 4 times a week	48
Selangor Sultan regrets that the water restricted again, and has repeatedly written to urge the federal and state governments to solve	49
4 times without water in a month! Netizens have left messages and cursed Air Selangor	50
Nanyang Siang Pau	
Water cuts again during pandemic period, merchants and people feel unsatisfied with Selangor government	51
Filter water stations resume operation, water supply for each region will be restored within 3 days	52
Klang Valley water cuts again, Selangor river pollution non-stop	53
Oriental Daily	
Selangor river is polluted again, 1.2 million households have no water	54
Selangor river is polluted again, 1.2 million households have no water again	55
Guang Ming Daily	
Selangor river polluted again; 4 treatment plants stopped, 1.19m users affected by water rationing	56
Kwong Wah Yit Poh	
Water and air pollution; Over 1m users in Selangor and KL affected by water rationing	57
Makkal Osai	
Water treatment plants start its operation	58
High tide in Port Klang area worst flood ever after 20 years	59
Flood in Kuala Selangor	60



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Malaysia Nanban

Water cut off

What is the solution for RMCO and water cut off?

Water cut off is sabotage

61

62

63



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kilang disyaki punca pencemaran
Muka Surat	:	14

Sungai Gong tercemar lagi

Kilang disyaki punca pencemaran

Kementerian tak kompromi, ambil tindakan tegas penjenayah alam sekitar

Oleh Ahmad Suhael Adnan, Latifah Arifin dan Norzamia Che Moh
 bhnews@bh.com.my

Kuala Selangor: Sasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menurus kepada tiga kawasan kilang yang dipercayai terlibat dalam pencemaran bau di Sungai Gong yang mengalir ke Sungai Selangor, hingga menyebabkan gangguan bekalan air kepada kira-kira lima juta pengguna di Lembah Klang.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata sasatan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pula mengesan bau solum yang hampir sama dengan pencemaran di Sungai Gong, awal bulan lalu.

Tuan Ibrahim berkata, tempat pencemaran kali ini berbeza berbanding bulan lalu dan masih awal untuk membuat kesimpulan punca sebenar pencemaran.

"JAS sudah mengambil sampel air tercemar dan mengahutkannya ke makmal. Cuma kita sedang siasat dari mana punca pencemaran ini."

"Pencemaran kali ini tidak begitu serius dan kita sudah mengenal pasti dua hingga tiga kawasan kilang yang akan menjadi fokus siasatan."

"Kementerian tidak akan berkompromi dengan pencemar ini dan dengan

kerjasama pelbagai agensi termasuk polis, kami yakin boleh menjenayah alam sekitar ini dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Dr Ahmad Masrizal Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian.

Terdahulu, Air Selangor memaklumkan loji rawatan air Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas awal pagi semalam susulan pencemaran bau di kawasan di Sungai Selangor.

Ditanya sama ada kilang yang disyaki itu beroperasi secara harian, Tuan Ibrahim berkata, kilang yang dikesan oleh kementerian biasanya tidak terlibat dengan pencemaran kerana ia dipantau.

Tuan Ibrahim berkata, pencemaran sungai kerap berlaku pada tengah malam atau hujung minggu.

Walaupun anggota JAS beroperasi 24 jam, katanya, mustahil untuk memantau seluruh sungai sepanjang masa kerana kawasan luas serta faktor geografi.

Katanya, kementerian memohon peruntukan dalam Belanjawan 2021 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk menambah kitaran serta peralatan, meningkatkan sistem pemantauan dan loji.

Pada 4 Oktober lalu, LRA Sungai Semenyih dan LRA Bukit Tampang terpaksa dihenti tugas susulan pencemaran air mentah di Sungai Selangor.

menyebabkan gangguan bekalan air ke 273 kawasan meliputi 309,606 akaun pengguna mengalami gangguan.

Pada 2 September lalu pula, sebanyak 1,292 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berikutnya LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas di sebabkan berlaku pencemaran air mentah di kawasan Sungai Gong.

Sementara itu, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Norlin Jaafar, berkata tumpuan siasatan memfokuskan kawasan perindustrian kecil Sungai Bakau dan Taman Industri Velox.

"JAS Selangor telah mula menjalankan siasatan apabila berlaku henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang pada pagi ini (semalam)."

"Tumpuan pemeriksaan di kawasan perindustrian kecil Sungai Bakau dan Taman Industri Velox," katanya kepada BH.

Henti tugas empat loji berkenaan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual kepada 1,196,457



Kedudukan Sungai Gong, Rawang yang tercemar menyebabkan gangguan bekalan air di sekitar Lembah Klang.



Tuan Ibrahim menghidu sampel air tercemar di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 2 di Bestari Jaya, semalam. (Foto Aswadi Alan 191)

Sultan Selangor dukacita nasib rakyat

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menzahirkan rasa dukacita dengan kebulahan dan nasib rakyat yang bukan sahaja terpaksa bergelut wabak COVID-19, tetapi kini berdepan masalah gangguan bekalan air yang terus berlaku di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Setiausaha Sultan Selangor, Datuk Muhammad Munir Bani, menerusi kenyataan memaklumkan, baginda sudah bunyuk kali menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berhubung isu bekalan air sejak 2009.

Katanya, Sultan Selangor mahu supaya masalah air itu tidak dipolitikkan dan diatasi segera kerana ia keperluan asas kehidupan rakyat.


"Surat baginda yang terkini mengenai isu gangguan bekalan air sudah dihantar kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, pada 8

September lalu.

"Dalam surat itu, baginda sudah memberikan nasihat serta beberapa syor dan pandangan untuk mengatasi masalah bekalan air bersih, tetapi nampaknya ia tidak memberi kesan kerana masalah yang sama masih terus berlaku dan berulang sehingga menyusahkan rakyat yang baginda kasih," katanya.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah, juga menzahirkan kekecewaan terhadap peningkatan kes baharu positif COVID-19 di Selangor khususnya di Malaysia amnya, yang sudah mencapai jumlah tertinggi sejak Mac lalu.

Mohamad Munir berkata, susulan perkembangan terbaru ini, baginda menyeru rakyat terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan tidak ingkar arahan dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Penduduk menunggu giliran mengisi air di buai awam di Taman Sri Manja, Petaling Jaya. (Foto: Facebook/Agensi Berita)

Kilang Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 2 di Bestari Jaya, semalam susulan pencemaran Sungai Gong. (Foto: Aswadi Alan 191)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita nasib rakyat
Muka Surat	:	14

Sultan Selangor dukacita nasib rakyat

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menzahirkan rasa dukacita dengan ke-
luhan dan nasib rakyat yang bukan sahaja ter-
paksa bergelut wabak COVID-19, tetapi kini ber-
depan masalah gangguan bekalan air yang terus
berlaku di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Muha-
mad Munir Bani, menerusi kenyataan memaklum-
kan, baginda sudah banyak kali menulis surat ke-
pada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri
berhubung isu bekalan air sejak 2009.

Katanya, Sultan Selangor mahu supaya masalah
air itu tidak dipolitikkan dan diatasi segera kerana
ia keperluan asas kehidupan rakyat.

“Surat baginda yang terkini mengenai isu gang-
guan bekalan air sudah dihantar kepada Menteri
Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, pada 8

September lalu.

“Dalam surat itu, baginda sudah memberikan na-
sihat serta beberapa syor dan pandangan untuk me-
ngatasi masalah bekalan air bersih, tetapi nampak-
nya ia tidak memberi kesan kerana masalah yang
sama masih terus berlaku dan berulang sehingga
menyusahkan rakyat yang baginda kasihi,” katanya.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah,
juga menzahirkan kebimbangan terhadap pening-
katan kes baharu positif COVID-19 di Selangor khu-
susnya dan di Malaysia amnya, yang sudah men-
capai jumlah tertinggi sejak Mac lalu.

Mohamad Munir berkata, susulan perkembangan
terbaru ini, baginda menyeru rakyat terus me-
matuhi prosedur operasi standard (SOP) dan tidak
ingkar arahan dikeluarkan Kementerian Kesihatan
(KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor tawar ganjaran RM20,000 beri maklumat
Muka Surat	:	15



Orang ramai mendapatkan bekalan air bersih di pusat khidmat setempat di Padang Merbok, Kuala Lumpur. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)



Untuk galakkan orang ramai membuat aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan pencemaran sungai, kita akan beri ganjaran RM20,000 selepas proses siasatan dan hukuman dijatuhkan di mahkamah.

Hee Loy Sian,
 Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor

Selangor tawar ganjaran RM20,000 beri maklumat

Kuala Selangor: Kerajaan Selangor menawarkan ganjaran sebanyak RM20,000 kepada individu yang memberi maklumat sehingga pihak yang terbabit mencemar sungai dikenakan tindakan undang-undang.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata ganjaran itu akan diberi jika maklumat berjaya membawa kepada penangkapan penjenayah alam sekitar itu sehingga mereka disabit kesalahan di mahkamah.

Katanya, insentif itu adalah tambahan kepada langkah kerajaan negeri meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan hadapan, bagi mengenakan hukuman lebih tegas kepada penjenayah alam sekitar.

"Pada sidang DUN pada 1 November ini, kita akan naikkan denda kepada minimum RM200,000 hingga RM1 juta dan penjara tidak lebih tiga tahun.

"Untuk galakkan orang ramai membuat aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan pencemaran sungai, kita akan beri ganjaran RM20,000 selepas proses siasatan dan hukuman dijatuhkan di mah-

kamah," katanya pada sidang media selepas meninjau Muka Sauk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 2 di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata tidak ada kilang haram di sepanjang Sungai Selangor.

Katanya, kebanyakan kilang yang mencemarkan sungai terletak antara 30 hingga 50 kilometer (km) dari sungai dan bahan cemar yang dihasilkan sampai ke sungai kerana ia dilepaskan ke longkang.

"Memang tak ada industri di sepanjang sungai. Industri yang ada terletak kira-kira 30 hingga 50 km.

"Industri yang menghasilkan bahan cemar itu biasanya membuang sisa ke longkang dan ia mengalir ke dalam anak sungai, sebelum sampai ke sungai utama.

"Sepanjang Sungai Selangor memang tiada industri haram. Kalau ada pun, jauh dari sungai," katanya.

Loy Sian juga berkata, kerajaan Selangor akan mula menggunakan dron berteknologi tinggi bulan depan untuk memantau kawasan sungai.

"Kita sudah luluskan hampir RM2 juta untuk negeri guna pakai dron berteknologi tinggi bagi melaksanakan ujian sampel air dengan lebih berkesan dan cepat.

"Pada masa sama, dron ini juga boleh digunakan untuk masuk ke tempat terpencil yang sukar untuk

kita capai disebabkan faktor geografi dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata kerajaan perlu menyaipkan segera LRA Langat 2 pada tahun depan atau pertengahan 2022 kerana ia satu-satunya penyelesaian bagi mengurangkan impak berikutan gangguan bekalan air yang kerap berlaku di Lembah Klang.

Katanya, isu pencemaran air dan kebocoran paip adalah situasi di luar kawalan yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

"Perkara ini adalah di luar kawalan, ia tidak boleh ditangani sepenuhnya melalui langkah penguatkuasaan kerana kebiasaannya yang menjadi mangsa adalah jutaan pengguna apabila gangguan bekalan air secara tidak berjadual terpaksa dibuat berikutan pencemaran atau faktor lain.

"Justeru, perancangan yang teliti perlu dibuat supaya tidaklah apabila berlaku situasi tidak dijangka, bekalan air tersekat sepenuhnya tetapi ada alternatif lain iaitu melalui bantuan daripada loji lain.

"Setiap kali berlaku pencemaran atau kebocoran paip, ia mengakibatkan gangguan air secara besar-besaran berikutan margin air sedia ada yang rendah.

"Disebabkan itu penting untuk LRA Langat 2 disiapkan segera bagi menaikkan margin air kepada angka yang lebih selesa.

"Jika Langat 2 beroperasi, kita ada tambahan air terawat sebanyak 1,130 juta liter air sehari (MLD) dan sekiranya berlaku gangguan bekalan air di sesebuah lokasi, dapatlah menampung keperluan semasa pengguna," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Piarapakaran berkata, kerajaan perlu menyediakan pelan kecemasan jangka panjang kerana kebanyakan LRA yang terpaksa dihenti tugas ini adalah loji dengan ka-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

20 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Air pasang 'lintas' jalan Kuala Selangor
Muka Surat	:	24

Air pasang 'lintas' jalan Kuala Selangor

Kuala Selangor: Fenomena air pasang besar memasuki hari ketiga menyebabkan sebahagian besar kiri dan kanan jalan menghubungkan Kuala Selangor ke Pasisir Penambang di sini, dinaiki air, semalam.

Menerusi perkongsian Facebook (FB) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), puluhan pengguna jalan raya memberhentikan kenderaan mereka apabila air membanjiri kedua-dua laluan.

Bagaimanapun, ada pengguna berani meredah banjir untuk melalui jalan itu terutama kenderaan pacuan empat roda.

"Air pasang melebihi had kebiasaan dan berlaku kesesakan perjalanan. Sila gunakan laluan alternatif buat sementara waktu," kata kenyataan itu, semalam.

Kelmarin, sekurang-kurangnya 12 rumah di tiga lokasi di daerah ini terjejas susulan fenomena air pasang besar berukuran 5.8 meter.

Sebelum ini, lima daerah di Selangor diramal dilanda fenomena ini bermula September lalu hingga November depan.

Selain berlaku Sabtu hingga semalam, ia turut diramalkan 15 dan 16 November ini di persisiran pantai Selangor dengan ketinggian paras air laut mencecah 5.8 meter.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Surat Sultan Selangor tak beri kesan
Muka Surat	:	4

Surat Sultan Selangor tak beri kesan

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
 utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sudah beberapa kali menulis surat kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berhubung masalah air.

Tapi nampaknya surat itu tidak memberikan kesan kerana masalah sama masih terus berlaku dan berulang sehingga menyusahkan rakyat baginda.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Muhamad Munir Bani berkata, baginda telah banyak kali menulis surat kepada kerajaan Persekutuan dan negeri berhubung isu bekalan air sejak 2010.

Menurut Muhamad Munir, surat ditulis baginda adalah supaya masalah air jangan dipolitikkan dan diatasi dengan segera kerana merupakan keperluan asas kehidupan rakyat.

“Surat baginda yang terkini

mengenai isu gangguan bekalan air telah dihantar kepada Menteri Besar Selangor pada 8 September lalu. Dalam surat tersebut, baginda telah memberikan nasihat serta beberapa syor dan pandangan untuk mengatasi masalah bekalan air bersih.

“Tetapi nampaknya tidak memberi kesan kerana masalah yang sama masih terus berlaku dan berulang sehingga menyusahkan rakyat yang baginda kasihi,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sehubungan itu baginda dukacita dengan nasib rakyat negeri ini yang kini bukan sahaja bergelut dengan wabak Covid-19, bahkan berhadapan masalah gangguan bekalan air.

Dalam pada itu, Muhamad Munir berkata, Sultan Sharafuddin turut menzahirkan kebimbangan terhadap peningkatan kes baharu positif di Selangor khususnya dan di Malaysia yang

telah mencapai jumlah tertinggi sejak bulan Mac 2020.

Katanya, baginda menegaskan fokus ketika ini adalah untuk memastikan risiko jangkitan dapat dikurangkan dan seterusnya menghapuskan penularan wabak Covid-19.

“Baginda menyeru rakyat agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan tidak ingkar dengan arahan Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Sultan Selangor amat menghargai usaha para doktor dan jururawat serta petugas barisan hadapan yang bersungguhsungguh untuk memberi rawatan kepada pesakit Covid-19.

“Oleh yang demikian, janganlah membebankan petugas barisan hadapan kerana baginda mendapat tahu ramai rakyat yang masih tidak mematuhi arahan dan melanggar SOP yang telah ditetapkan,” katanya.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kilang haram buang bahan pelarut
Muka Surat	:	5



ORANG ramai mengambil air yang disediakan Air Selangor, di Pusat Khidmat Setempat PJS 1/25, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Kilang haram buang bahan pelarut

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 rohaizah.zainal@mediamula.com.my

KUALA SELANGOR: Beberapa kilang haram dipercayai menjadi punca berlakunya pencemaran bau pada sumber air mentah di Sungai Selangor sehingga mengakibatkan kira-kira lima juta pengguna terpaksa berhadapan gangguan bekalan air tidak berjadual.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, pihaknya telah mengenal pasti pihak terbabit dan kini dalam usaha mengesan mereka.

Menurutnya, pencemaran itu dipercayai daripada bahan pelarut seperti yang dilakukan oleh sebuah kilang di Sungai Gong pada awal September lalu.

“Sampel pencemaran telah diambil untuk disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar. Perbuatan itu mungkin dilakukan oleh kilang

haram kerana kilang berlesen selalu diperiksa dan patuh syarat.

“Mereka yang melakukan pencemaran ini dipanggil jenayah alam sekitar dan kebiasaan modus operandi ialah melakukan pencemaran pada hari cuti, bagaimanapun, kita tidak akan berkompromi dengan individu terlibat,” katanya dalam sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 2 di sini semalam.

Terdahulu, sebanyak 1,196,457 akaun mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan henti tugas LRA Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang.

Henti tugas di empat LRA itu dilakukan susulan berlakunya pencemaran sumber air mentah yang dikesan di Sungai Selangor dan melibatkan 1,292 kawasan di wilayah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Se-

langor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Mengulas lanjut, Tuan Ibrahim berkata, penduduk yang terjejas dengan gangguan bekalan air tidak berjadual akan mendapat bekalan semula dalam tempoh 24 jam.

Jelasnya, pihak Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kini dalam usaha mempercepatkan proses pencairan dan mengeluarkan bahan pencemaran.

“Bacaan bau di muka sauk yang diambil pada LRA Rantau Panjang pada paras satu manakala LRA Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 mula pada paras tiga ton.

“Berdasarkan maklumat terkini sehingga pukul 1.30 petang ini, kadar ton pencemaran sangat nipis dan pengguna dijangka mendapat bekalan air dalam tempoh 24 jam,” ujarnya.



KERATAN AKHBAR		
20 October 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rakyat sifatkan isu air melampau, membebankan
Muka Surat	:	5

Rakyat sifatkan isu air melampau, membebankan

KLANG: Orang ramai menyifatkan kekerapan masalah gangguan bekalan air di negeri itu sudah melampaui batas dan membebankan.

Keperitan itu semakin dirasai berikutan mereka terpaksa berdepan risiko tinggi untuk mendapatkan bekalan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar daerah ini mendapati rata-rata penduduk tidak sempat menyimpan air kerana hanya mengetahui gangguan bekalan pagi semalam sedangkan bekalan dihentikan tengah malam.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Sri Sedeli, Taman Sri Andalas, **Tukimin Sarlan**, 65, berkata, pihaknya amat kesal dengan masalah air di negeri ini yang masih tiada berkesudahan.

"Pada bulan ini, beberapa kali telah berlaku gangguan bekalan di Selangor yang disifatkan amat melampau.

"Apatah lagi kini kami masih dibelenggu PKPB bagi mengekang penularan Covid-19," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bagi Pengerusi Persatuan Penduduk Sri Banang 9/10, **Arun Kumar**, 33, pihak berkaitan seharusnya memikirkan faktor tindakan atau langkah pencegahan bagi mengelak berlaku masalah pencemaran air.

"Jangan hanya bertindak selepas berlakunya sesuatu kejadian sehingga menyebabkan gangguan yang menyusahkan rakyat.

"Mereka sepatutnya mengambil langkah pencegahan termasuk memantau lokasi yang berisiko berlakunya pencemaran terutama kilang-kilang haram," katanya.

Kekesalan turut diluahkan pesara swasta dari Kapar, **Ibrahim Ayob**, 64, yang menyifatkan isu itu amat membebankan warga emas sepertinya.

"Bayangkan bagaimana keadaan kami yang bukan hanya sukar mengambil bekalan air malah berisiko terdedah dengan risiko Covid-19.

"Kerajaan negeri perlu lebih serius bagi menangani masalah ini yang dilihat semakin teruk dan seolah-olah tidak terkawal," ujarnya.

Pada masa sama, kepayahan dirasai peniaga gerai makan apabila mereka turut menerima tempas termasuk menutup sementara perniagaan akibat masalah gangguan bekalan air hari ini.

Peniaga makanan, **Mariah Yusoff**, 35, berkata, dia terpaksa berulang alik dari rumahnya sejauh dua kilometer untuk mengambil air.

"Masalah gangguan bekalan ini sememangnya terlalu kerap berlaku hingga menjejaskan operasi harian kedai saya.



SAID Mohamed mengangkat bekas air yang ditadah dari kaki bukit di Kawasan Jeram, Kuala Selangor, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	RM20,000 kepada pemberi maklumat
Muka Surat	:	5

RM20,000 kepada pemberi maklumat

KUALA SELANGOR: Kerajaan negeri menawarkan ganjaran RM20,000 kepada pemberi maklumat berhubung pihak yang mencemari sungai sehingga menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy

Sian berkata, tawaran itu adalah komitmen kerajaan negeri dalam menangani masalah pencemaran sungai di negeri Selangor.

“Kerajaan negeri sentiasa memberikan komitmen dan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) awal November nanti kita akan pinda undang-undang berkaitan dengan menaikkan denda antara RM200,000

hingga RM1 juta dan penjara sehingga tiga tahun,” katanya dalam sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 2 di sini semalam.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri akan menggunakan dron berteknologi tinggi dalam memantau sungai-sungai di negeri ini pada tahun depan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	1.2 JUTA PUTUS BEKALAN AIR
Muka Surat	:	2



KAKITANGAN Air Selangor mengisi air ke dalam lori tangki sebelum diedarkan kepada orang awam di Padang Merbok, Kuala Lumpur.



WARGA KOTA mendudukkan bekalan air bersih di Padang Merbok, Kuala Lumpur, semalam.

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
 rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Loji rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas sepenuhnya berikutan insiden pencemaran air di Sungai Selangor yang menjadi sumber air mentah ke loji berkenaan.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Elina Baseri berkata, henti tugas di empat loji berkenaan pada jam 2 pagi semalam menyebabkan 1.2 juta kawasan pengguna mengalami gangguan bekalan air tidak berputus.

Menurutnya, gangguan itu membabitkan kawasan di Kuala Lumpur, Petaling

Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat. "Bagi proses pencairan dan flushing bahan pencemaran yang terdapat di dalam Sungai Selangor, tindakan segera dilakukan dengan melepaskan air secara graviti dari HORAS 600 dengan kapasiti 285 juta liter sehari dan pelepasan air mentah dari empangan sebanyak 800 juta liter sehari.

"Dalam pada itu, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) melepaskan air mentah melalui operasi pengesanan kolam KL Larut dengan kapasiti 336 juta liter sehari untuk tujuan sama. "Sehingga jam 6.30 pagi ini (semalam), pencemaran masih lagi di kesan di Sungai Selangor pada tahap 1 TON," katanya.

Elina berkata, pemulihan henti tugas separa LRA Sungai Selangor Fasa 1

herikutan paip air terawat pecah yang sudah mencapai 50 peratus, tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Katanya, pihaknya menyediakan bantuan bekalan air dengan mengerakkan lori tangki ke kawasan terjejas dengan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital dan pusat dialisis.

"Pengguna yang memerlukan bantuan

bekalan air untuk keemasan seperti urusan kematian boleh menghubungi 15300. "Air Selangor amat memahami situasi pengguna yang memerlukan air bersih terutama semasa peningkatan kes Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan mengambil segala usaha bagi meminimalkan impak gangguan kepada pengguna terjejas," katanya.



KERATAN AKHBAR

20 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Perit gangguan berlaku ketika PKPB
Muka Surat	:	2

Perit gangguan berlaku ketika PKPB

Klang: Gangguan bekalan air bukan lagi perkara asing buat penduduk di Meru di sini, yang berdepan masalah itu saban tahun.

Namun, masalah bekalan air putus kali ini lebih sukar kerana hampir keseluruhan ahli keluarga berada di rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan memerlukan penggunaan air yang banyak.

Tinjauan Harian Metro di sekitar Meru mendapati bekalan air mineral di beberapa premis perniagaan kelihatan berikutan orang ramai mendapatkannya untuk keperluan masing-masing.

Salah seorang penduduk, Siti Aiesyah A. Kadir, 36, yang menetap di Jalan Jambu, Meru berkata, gangguan bekalan air kerap berlaku tetapi kebiasaannya dia dan suami keluar bekerja manakala empat anak dihantar ke sekolah serta pusat asuhan.

"Pada waktu siang hanya emak saya di rumah, jadi air tangki dapat bertahan lama kerana kami semua tiada di rumah.

"Tapi kali ini, kesemua

tujuh ahli keluarga ada di rumah. Aktiviti harian kami terjejas dan banya bergantung air tangki untuk mandi serta mencuci," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, sudah tiba masanya isu bekalan air bersih di Selangor diatasi pihak berkaitan segera termasuk langkah jangka panjang bagi memastikan masalah sama tidak terus berulang.

Bagi Aisreen Umi Maisarah Mohamad Anuar, 32, berkata enam ahli keluarganya terpaksa bergantung dengan air tangki di rumah kerana tidak sempat membeli air mineral.

Pekerja swasta itu berkata, dia keluar mencari air mineral di beberapa kedai runcit berhampiran rumahnya pagi semalam, namun sudah kehabisan.

"Saya dapat tahu berlaku gangguan bekalan air ini awal pagi. Kami memang tak sempat simpan air.

"Ketidadaan air memang menjadi bebanan kepada kami, tambah pula ada bayi dan perlukan air untuk mencuci susu dan sebagainya," katanya.



ORANG ramai mendapatkan bekalan air melalui pili awam yang disediakan air Selangor di hadapan Masjid Jamek Ar-Rahimah, Klang.



INAGA mencuci kuali menggunakan air tadahan yang disimpan di Taman Sri Andalas, Klang.



KERATAN AKHBAR

20 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tiga kilang disyaki punca pencemaran
Muka Surat	:	2

Tiga kilang disyaki punca pencemaran

Kuala Selangor:

Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) sudah mengenal pasti sekurang-kurangnya tiga kilang yang disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Selangor, awal pagi semalam.

Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, hasil siasatan awal yang dilakukan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menemukan bau seakan-akan pelarut (*solvent*) yang hampir sama dengan pencemaran di Sungai Gong, Rawang, bulan lalu.

Menurutnya, pencemaran juga berlaku di lokasi baharu dan masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan punca sebenar pencemaran.

"Jabatan Alam Sekitar (Jas) sudah mengambil sampel air tercemar dan menghantarnya ke makmal. Kita sedang siasat

punca pencemaran ini.

"Pencemaran kali ini tidak begitu serius dan kita sudah mengenal pasti dua ke tiga kilang yang akan menjadi fokus siasatan," katanya, semalam.

Beliau ditemui pada sidang media selepas melakukan lawatan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 2 di Bestari Jaya di sini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Dr Ahmad Masrizal Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi serta Hal Ehwal Pengguna Selangor Hee Loy Sian.

Beliau berkata, siasatan turut mendapati kegiatan pencemaran dilakukan pada waktu malam, awal pagi dan hujung minggu.

"Walaupun Jas beroperasi 24 jam, kita tahu sepanjang sungai di kawasan ini luas dan tidak mungkin dapat dikawal sepanjang waktu," katanya.



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kena punggah air empat kali sehari
Muka Surat	:	3



RAHMAT mendapatkan bantuan bekalan air melalui pili awam untuk kegunaan gerainya di Klang.

Kena punggah air empat kali sehari

Klang: Masalah gangguan bekalan air yang kerap kali berlaku menimbulkan keresahan kepada orang ramai terutama yang memerlukan sumber air yang banyak dalam menjalankan kehidupan seharian.

Pengusaha kedai makan Rahmat Abib Aprizal, 25, berkata, masalah gangguan bekalan air yang dilihat seperti tidak berkesudahan mencacatkan operasi kedainya yang bermula jam 8 pagi hingga 10 malam setiap hari.

"Masalah air sudah beberapa kali berlaku pada bulan ini dan sumber air terdekat adalah kira-kira satu kilometer dari kedai saya iaitu paip awam yang terletak di hadapan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR).

"Berikutan kedai saya beroperasi dari sarapan pagi hingga makan malam, saya terpaksa memunggh air sekurang-kurangnya empat kali sehari yang mana saya menggunakan lapan tong air 10 liter.

"Pengalaman paling teruk yang saya hadapi ialah ketika empat Loji Rawatan Air (LRA) ditutup baru-baru ini, justeru saya berharap gangguan bekalan ini akan segera pulih kerana agak penat untuk berulang alik mengisi air," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, susulan masalah air kerap berlaku, pihaknya menggunakan pelapik pada pinggan untuk mengurangkan kerja membasuh serta menggunakan cawan pakai buang.

Katanya, dia juga akan mengalami sedikit kerugian setiap kali berlaku masalah air kerana perlu membeli air



Berikutan kedai saya beroperasi dari sarapan pagi hingga makan malam, saya terpaksa memunggh air empat kali sehari yang mana saya menggunakan lapan tong air 10 liter"

Rahmat

mineral untuk kegunaan memasak serta minuman pelanggan ekoran tidak pasti dengan tahap kebersihan dan kualiti air daripada paip awam.

Penduduk sebuah pangsapuri di Seksyen 7 Shah Alam, Maria Zain, 35, berkata, rumahnya terkesan sejak kelmarin susulan kejadian paip bocor di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).

"Saya tinggal di tingkat tujuh, justeru, saya faham air akan sedikit lambat untuk sampai ke rumah.

"Bagaimanapun pagi ini (semalam) saya dikejutkan dengan kejadian pencemaran yang menyebabkan empat LRA terpaksa dihenti tugas.

"Situasi ini amat menyukarkan rakyat negeri ini terutama kami yang tinggal di rumah bertingkat. Kalau mahu simpan air pun tidak boleh banyak kerana ruang rumah sempit," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri perlu menangani isu ini dengan segera kerana Selangor adalah negeri termaju dan masalah asas seperti sumber air tidak seharusnya timbul sekali gus menyusahkan rakyat.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Ramai pengguna 'sangkut' jalan utama dilimpahi air
Muka Surat	:	8

Ramai pengguna 'sangkut' jalan utama dilimpahi air

Kuala Selangor: Fenomena air pasang besar yang memasuki hari ketiga semalam menyebabkan sebahagian besar kiri dan kanan jalan menghubungkan Kuala Selangor ke Pasir Penambang di sini, dinaiki air.

Menerusi perkongsian gambar di Facebook (FB) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), puluhan pengguna jalan raya dilihat memberhentikan kenderaan mereka apabila air membanjiri kedua-dua laluan.

Bagaimanapun, ada pengguna yang dilihat berani meredah banjir untuk melalui jalan itu terutama kenderaan pacuan empat roda.



KENDERAAN kecil terpaksa menunggu air surut selepas jalan menghubungkan Kuala Selangor ke Pasir Penambang, dinaiki air, semalam.

Menurut MDKS menerusi FB, air pasang melebihi had kebiasaan dan berlaku kesesakan lalu lintas.

"Sila gunakan laluan alternatif buat sementara waktu," katanya.

Kelmarin, sekurang-kurangnya 12 rumah di tiga

lokasi di daerah ini terjejas susulan fenomena air pasang besar berukuran 5.8 meter.

Media sebelum ini melaporkan lima daerah di Selangor diramal dilanda fenomena itu bermula September lalu hingga Novem-

ber depan.

Ia diramal berlaku pada 19 hingga 20 September, 17 hingga 19 Oktober dan 15 hingga 16 November di persisiran pantai Selangor dengan ketinggian paras air laut mencecah 5.8 meter.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Komited promosi digitalisasi
Muka Surat	:	22

Komited promosi digitalisasi

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor terus komited dalam mempromosikan digitalisasi industri dan membantu perusahaan kecil dan sederhana serta mikro (PKSM) tempatan untuk memindahkan perniagaan mereka dalam talian sejak permulaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac lalu.

Pandemik Covid-19 memberi tamparan kepada ramai individu dan pernia-

gaan, terutama dari segi kewangan.

Statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa 98.5 peratus atau 907,065 syarikat yang berdaftar di Malaysia adalah PKS dengan 19.8 peratus berasal dari Selangor.

PKS juga menyumbang 38.3 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK), dan 66.2 peratus peluang pekerjaan baharu.

Ketua Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Industri dan Perdagangan dan PKS Kerajaan Selangor, Datuk Teng Chang Khim berkata, pihaknya menghasilkan satu siri video wawancara dengan pemain industri PKSM di Selangor.

“Siri ini bertujuan mengiktiraf sumbangan industri dan PKSM serta mendorong dialog antara kerajaan negeri dan PKSM,” katanya.



USAHAWAN diberi latihan supaya mempromosikan perniagaan secara online.



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Rakyat sudah muak
Muka Surat	:	1

Rakyat sudah muak

Lebih 5 juta penduduk Lembah Klang sekali lagi terputus bekalan air



ORANG ramai mengambil air di Pusat Khidmat Setempat PJS 1/25, Petaling Jaya semalam. - SHIDDIQIN ZON

LEBIH 5 juta penduduk Lembah Klang sekali lagi terputus bekalan air apabila empat Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor menghentikan operasi semalam ekoran pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor dipercayai berpunca dari kilang haram.

Gangguan bekalan yang berlaku ketika rakyat Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sedang menghadapi Perintah

Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat Covid-19 itu menyebabkan ramai yang marah dengan masalah air yang bagaikan tiada kesudahannya.

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia pula menjangkakan bekalan air akan pulih sepenuhnya dalam tempoh lima hari lagi memandangkan LRA mula beroperasi hari ini.

*** LAPORAN PENUH DI MUKA 7**



MENTERI Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menghidu bau air selepas berlaku pencemaran Sungai Selangor ketika meninjau LRA Sungai Selangor di Kuala Selangor semalam.



KELIHATAN penduduk sekitar Shah Alam menadah air dari kaki bukit di Kawasan Jeram, Kuala Selangor semalam. -ZULFAHILIZAKI

Rakyat anggap isu air sangat melampau

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED, MOHD. YUNUS YAKKUB dan LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

KLANG - Rakyat Selangor menganggap kekerapan masalah gangguan bekalan air di negeri itu sudah melampaui batas dan membebankan banyak pihak.

Setelah 47 hari insiden gangguan bekalan air akibat pencemaran di Sungai Gong, Rawang, semalam rakyat Selangor sekali lagi terpaksa "menadah air" akibat pencemaran empat buah loji rawatan air (LRA) kerana pencemaran di Sungai Selangor.

Gangguan kali ini melibatkan 1,196,457 akaun dengan 5 juta pengguna mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan henti tugas LRA Rantau Panjang dan LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 2 Fasa 1, 2 dan 3.

Tinjauan Kosmo! di sekitar daerah ini dan Shah Alam mendapati rata-rata penduduk tidak sempat menyimpan air kerana hanya mengetahui gangguan bekalan itu pada awal pagi semalam.

Pergerusi Kawasan Rukun Te-

tangga (KRT) Sri Sedeli, Taman Sri Andalas, Tukimin Sarlan, 65, berkata, pihaknya amat kesal dengan masalah air di negeri itu yang masih tiada berkesudahan.

"Pada bulan ini, beberapa kali telah berlaku gangguan bekalan di Selangor yang disifatkan amat melampau.

"Bagaimana masalah itu masih kerap berlaku, apatah lagi rakyat kini dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi mengekang penularan Covid-19?" katanya ketika ditemui di sini semalam.

Gangguan bekalan air turut menyebabkan seorang peniaga makanan di Medan Selera Taman Sri Andalas, Mariah Yusoff, 35, terpaksa berulang alik dari rumahnya sejauh 2 kilometer untuk mengambil air.

"Masalah gangguan bekalan itu sememangnya terlalu kerap berlaku hingga menjejaskan operasi harian kedai saya dengan jumlah pendapatan makin merosot terutama ketika pelaksanaan PKPB ditambah lagi dengan tiada bekalan air," jelasnya.

Dalam pada itu, seorang lagi

peniaga Fitriya Misnadin, 28, berkata, kehadiran pengunjug juga semakin berkurangan sehingga ada kedai yang terpaksa ditutup kerana ketiadaan air.

"Ketiadaan air pernah menyebabkan pelanggan berang dan beredar pulang dari kedai saya," ujarnya.

Dalam pada itu, di media sosial, ramai netizen berang dan meminta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari meletakkan jawatannya kerana gagal menangani kes pencemaran sungai di negeri itu.

Seorang pemilik akaun Twitter dengan bernama Jagmeet turut meminta pengarah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) juga melakukan perkara sama.

"Tolong letak jawatan Amirudin Shari. Anda sendiri tahu yang anda tidak mampu memimpin kerajaan negeri ketika ini dan oleh itu, letaklah jawatan.

"Kepada Pengarah Air Selangor, tolong letak jawatan juga. Cukulah dengan apa yang berlaku," ciapnya dalam akaun peribadinya itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan dukacita isu air berulang
Muka Surat	:	6

Baginda mahu masalah air tidak dipolitikkan, atasi segera demi rakyat

Sultan dukacita isu air berulang



SULTAN SHARAFUDDIN

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah amat dukacita dengan keluhan dan nasib rakyat terpaksa berdepan masalah gangguan bekalan air yang terus berlaku di negeri ini.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, Sultan Sharafuddin bertitah, baginda telah berulang kali menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berhubung isu bekalan air sejak tahun 2010 lagi.

"Baginda menitahkan supaya masalah air ini tidak dipolitikkan dan diatasi dengan segera kerana ia merupakan keperluan asas ke-

hidupan rakyat.

"Surat baginda yang terkini mengenai isu gangguan bekalan air telah dihantar kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bertarikh 8 September lalu.

"Dalam surat tersebut, Sultan Sharafuddin telah memberikan nasihat serta beberapa syor dan pandangan untuk mengatasi masalah bekalan air bersih tetapi nampaknya tidak memberi kesan kerana masalah yang sama masih terus berlaku dan berulang sehingga menyusahkan rakyat yang baginda kasihi," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, sebanyak 1,196,457

akaun merangkumi tujuh wilayah mengalami gangguan air tidak berjadual susulan henti tugas empat loji pembersihan air (LPA) tengah malam tadi akibat pencemaran bau.

Ini meliputi Kuala Lumpur, Petaling Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Dalam perkembangan berlainan, Mohamad Munir memberitahu, Sultan Sharafuddin turut menzahirkan kebimbangan terhadap peningkatan kes baharu positif Covid-19 di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya, yang telah mencapai jumlah tertinggi sejak bulan Mac 2020.



KERATAN AKHBAR 20 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Bekalan air dijangka pulih lima hari lagi
Muka Surat	:	7

Bekalan air dijangka pulih lima hari lagi

KUALA LUMPUR – Bekalan air dijangka akan pulih sepenuhnya dalam tempoh lima hari lagi memandangkan Loji Rawatan Air (LRA) hanya akan beroperasi hari ini.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran berkata, apabila indeks bacaan bau mencecah 0 TON, barulah LRA yang dihenti tugas itu dapat beroperasi kembali dan kini ia berada di paras 3 TON.

“Pihak berkuasa perlu memastikan bacaan indeks itu mencatat 0 TON sebanyak tiga kali sebelum meneruskan operasi LRA.

“Sudah tentu mereka yang tinggal berdekatan dengan LRA akan menerima bekalan air terlebih dahulu, manakala pengguna di kawasan tinggi dan jauh daripada fasiliti itu menjadi kelompok terakhir (terima bekalan air),” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Piarapakaran berkata, masalah air yang melanda kira-kira lima juta peng-

guna di Selangor memberi imej negatif terhadap negara apabila isu itu berlaku dalam tempoh yang singkat.

Menurutnya, masalah air melanda penduduk Selangor pada awal bulan ini menerusi insiden pencemaran Sungai Semenyih yang menyebabkan operasi LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampo dihentikan pada awal bulan ini.

Ujarnya, insiden terbaharu pula menyaksikan empat LRA di Selangor dihenti tugas iaitu LRA Rantau Panjang serta LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3.

“Bukan hanya pengguna sahaja yang terjejas tetapi kita juga perlu sedar bahawa kilang-kilang juga menggunakan air. Apabila ia tidak dapat beroperasi, bagaimana pelabur mahu berniaga?

“Apabila ramai pelabur tidak mahu membuka perniagaan di negara kita, secara tidak langsung masyarakat antarabangsa juga akan beranggapan kita tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah pencemaran itu,” katanya.



ORANG ramai mengambil air yang disediakan Air Selangor di Pusat Khidmat Setempat PJS 1/25, Petaling Jaya semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pencemaran bau di Loji Rawatan Air disyaki berpunca daripada bahan pelarut
Muka Surat	:	7

Pencemaran bau di Loji Rawatan Air disyaki berpunca daripada bahan pelarut

KUALA SELANGOR – Pencemaran bau yang mengakibatkan empat buah Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas di sekitar Lembah Klang semalam dipercayai berpunca daripada beberapa kawasan kilang yang menjalankan aktiviti secara haram.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kemungkinan sisa pencemaran kali ini berpunca daripada bahan pelarut sama seperti yang dilakukan oleh sebuah kilang di Rawang yang mencemarkan Sungai Gong



SAMPEL air tercemar yang diambil daripada muka sauk LRA SSP1, Bestari Jaya, Kuala Selangor semalam.

pada awal September lalu. Bgaimanapun, kadar TON

pencemaran yang dicatatkan adalah rendah iaitu di paras 3.

"Kemungkinan itu tetap ada, namun siasatan lanjut masih

dijalankan oleh semua pihak terlibat termasuk Jabatan Alam Sekitar.

"Tambahan, kilang-kilang yang mempunyai lesen akan selalu diperiksa, patuh pada syarat, pembaharuan lesen serta takut melakukan pencemaran," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 2 di sini semalam.

Ujarnya, penjenayah alam sekitar itu dipercayai melakukan pencemaran di kawasan sungai pada hujung minggu dan waktu malam.



KERATAN AKHBAR 20 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	3 kilang punca pencemaran bau
Muka Surat	:	10

Kenal pasti lokasi punca pencemaran mengakibatkan empat LRA dihenti tugas

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Kementerian Alam Sekitar dan Air (MAFI) sudah mengenal pasti sekurang-kurangnya tiga buah kilang disyaki menjadi punca pencemaran bau hingga mengakibatkan empat Loji Rawatan Air (LRA) yang dihenti tugas semalam.

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, aktiviti itu tidak dilakukan kilang sama seperti yang berlaku dalam insiden pencemaran bahan pelarut ke dalam Sungai Gong pada bulan lalu.

“Kita sedang siasat punca bau tersebut, namun lokasi kilang itu belum dapat dipastikan lagi.

“Kadang-kadang, punca pencemaran berlaku di kawasan jauh (dari sungai) tetapi masuk ke dalam longkang yang kemudian mengalir sehingga 10 ke 20 kilometer ke sungai.

“Itu yang menyebabkan pencemaran bau sehingga menjejaskan operasi LRA,” katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan di LRA Sungai Selangor 2, Bes-

3 kilang punca pencemaran bau



Tuan Ibrahim (kiri) ketika melawat LRA Sungai Selangor Fasa 2 berikutan pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor, Bestari Jaya semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri KASA, Datuk Dr Ahmad Masrizal Mohamad (kanan) serta Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian (tengah).

tari Jaya di sini semalam.

Tuan Ibrahim berkata, siasatan awal mendapati, kegiatan itu dilakukan pada waktu malam, awal pagi dan hujung minggu.

“Walaupun JAS (Jabatan Alam Sekitar) beroperasi 24 jam tetapi sungai di kawasan itu sangat luas dan tidak mungkin dapat dikawal sepanjang waktu,” katanya.

Tegas beliau, kementerian-nya juga tidak akan berkompromi dengan penjenayah alam sekitar.

“Kita akan bertindak tegas terhadap mereka dan JAS berterima kasih kepada penduduk yang banyak membantu menyalurkan aduan bagi membanteras kegiatan ini,” katanya.

Sementara itu, Tuan Ibrahim berkata, hasil siasatan

awal turut mengesan pencemaran bau di empat LRA tersebut dipercayai daripada cecair pelarut (*solvent*).

“Pihak Air Selangor Sdn Bhd sudah menghantar sampel ke makmal bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran terbabit.

“Bagaimanapun, pencemaran bau yang berlaku kali ini lebih rendah iaitu tiga ton berbanding di Sungai Langat yang mencecah angka maksimum sembilan ton.

“Kita menjangkakan bekalan air pulih dalam tempoh 24 jam dan disalurkan secara berperingkat,” katanya.

Beliau berkata lagi, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) telah melepaskan HORAS 600 sebanyak 285 juta liter sehari (JLH) dan mengepam air kolam alternatif (OPAK) sebanyak 336 JLH untuk meningkatkan kadar pencairan di Sungai Selangor.

“Air Selangor menyediakan bantuan bekalan air dengan menggerakkan lori tangki ke kawasan yang terjejas dengan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital dan pusat dialisis,” katanya.



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Kerajaan negeri jangan berkompromi'
Muka Surat	:	10

'Kerajaan negeri jangan berkompromi'

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor digesa agar tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang berkepentingan dalam isu pencemaran sumber air mentah di negeri ini.



HANAFI

Ketua Pemuda Pas Selangor, Hanafi Zulkapli berkata, sikap tidak bertanggungjawab pihak yang terlibat dengan pencemaran berkenaan merupakan satu pengkhianatan kepada rakyat dan negeri ini.

Beliau berkata, kes pencemaran air seperti tiada kesudahan dan rakyat perlu menanggung derita disebabkan permasalahan itu.

"Tindakan tegas terhadap pihak bertanggungjawab wajib dikenakan kerana isu itu

seolah-olah tiada kesudahan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan kira-kira 1.2 juta

akaun pengguna di tujuh daerah di negeri ini berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan pencemaran sumber air mentah di kesan di Sungai Selangor sejak jam 2 pagi semalam.

Hanafi berkata, Jabatan Amal Selangor bersedia membantu rakyat yang terkesan dengan gangguan bekalan air berkenaan.

"Pasukan Jabatan Amal Selangor bersiap sedia bagi memberikan bantuan di kawasan yang terjejas," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tiada industri, kilang haram berhampiran Sungai Selangor
Muka Surat	:	10

Tiada industri, kilang haram berhampiran Sungai Selangor

KUALA SELANGOR - Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian menafikan terdapat industri atau kilang haram didirikan berhampiran Sungai Selangor.

Loy Sian berkata, sebaliknya kilang-kilang haram tersebut beroperasi pada jarak lebih jauh dari kawasan Sungai Selangor.

“Tiada industri haram (kerana) yang ada jauh iaitu antara 30 hingga 50 kilometer dari Sungai Selangor,” katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan di Loji Rawatan Air Sungai Selangor 2, Bestari Jaya semalam.



LOY SIAN

Malah, katanya, pihaknya bercadang membawa perkara itu dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 1 November ini.

“Kita akan menguatkuasakan hukuman denda dan penjara lebih tegas antaranya menaikkan jumlah denda daripada RM100,000 kepada RM200,000 hingga RM1 juta serta penjara maksimum tiga tahun.

“Kita akan memberi ganjaran sebanyak RM20,000 kepada mereka yang menyalurkan maklumat kegiatan pencemaran sungai,” katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri juga akan menggunakan dron pada bulan depan bagi menangani isu pencemaran air.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 20 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bekalan air dijangka pulih hari ini
Muka Surat	:	11

Bekalan air dijangka pulih hari ini

Air Selangor jangka 1.2 juta pemegang akaun terima bekalan mulai hari ini secara berperingkat

SHAH ALAM

Bekalan air dijangka mula disalurkan kepada pengguna yang terjejas bermula jam 8 pagi hari ini.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan, pihaknya telah menyediakan pelan pemulihan bekalan air untuk semua kawasan yang terjejas.

Air Selangor dalam satu kenyataan berkata, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang juga telah memulakan operasi pada jam 6 petang semalam.

“Keempat-empat loji terse-



Keadaan Sungai Kolam Tebatan Banjir yang dikesan mengalami pencemaran bau di Sungai Gong Selangor sehingga menyebabkan LRA Rantau Panjang SSP1, SSP2 dan SSP3 terpaksa dihentikan tugas sejak awal pagi semalam.

but akan memaksimumkan pengeluaran dan memenuhi paip utama serta kolam terminal,” kata kenyataan itu semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya telah dimaklumkan bahawa tahap bacaan pencemaran di LRA Rantau Panjang dan Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3

telah mencecah 0 Tön.

“Alhamdulillah, saya dimaklumkan tahap bacaan pencemaran di LRA Rantau Panjang dan Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 telah mencecah 0 Tön.

“Loji telah mula beroperasi untuk kerja pembersihan dan akan mula memproses air mentah bagi kegunaan pengguna,”

katanya menerusi kenyataan yang dimuat naik menerusi Facebook rasminya.

Sebelum itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri telah membuat laporan polis berhubung kes pencemaran yang menyebabkan empat LRA henti tugas.

Katanya, pihak polis sedang menjalankan siasatan mengesan punca dan pihak terlibat dengan pencemaran itu.

“Siasatan lanjut telah dibuat oleh pihak berkaitan,” katanya.

Terdahulu, Air Selangor memaklumkan kira-kira 1.2 juta akaun pengguna di tujuh daerah di negeri itu berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor pada jam 2 pagi.

Ketua Komunikasi Korporat Air Selangor, Elina Baseri berkata, ia berikutan henti tugas empat LRA Sungai Selangor



ELINA

akibat pencemaran sungai itu.

Jelasnya, gangguan bekalan air itu membabitkan sejumlah 1,292 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

“Tindakan segera telah dilakukan dengan melepaskan air secara graviti dari HORAS 600 dengan kapasiti 285 juta liter sehari dan pelepasan air mentah dari empangan sebanyak 800 juta liter sehari.

“Tindakan itu bagi proses pencairan dan flushing bahan pencemaran yang terdapat di dalam Sungai Selangor,” katanya.

Kata Elina lagi, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) telah melepaskan air mentah melalui operasi pengepaman kolam KL Larut dengan kapasiti 336 juta liter sehari untuk tujuan yang sama.



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Peniaga terjejas akibat PKPB, ketiadaan air
Muka Surat	:	11


Peniaga terjejas akibat PKPB, ketiadaan air

SHAH ALAM - Peniaga yang terkesan dengan gangguan bekalan air semalam meluahkan rasa gusar kerana sumber pendapatan mereka yang semakin terjejas.

Seorang peniaga, Ikmal Norazman, 21, berkata, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pendapatannya sudah terjejas ekoran kekurangan pelanggan dan masalah bekalan air yang berlaku di Selangor semalam, menambahkan lagi kesan buruk terhadap punca rezekinya.

“Kami rugi 50 peratus sejak PKPB kerana kekurangan pelanggan dan masalah air menambahkan lagi bebanan kami,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Medan Selera Serai, Seksyen 16 di sini semalam.

Terdahulu, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd memaklumkan kira-kira 1.2 juta akaun pengguna di tujuh daerah di negeri ini berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan pencemaran sum-



Ikmal menunjukkan bekalan air yang disimpan di premisnya.

ber air di Sungai Selangor.

Ikmal berkata, beliau mungkin terpaksa menghentikan operasi perniagaannya buat sementara waktu sekiranya bekalan air tidak pulih hari ini.

Sementara itu, pemilik Restoran Hakim, Datuk Hakimsa Abdul Karim berkata, pihaknya terpaksa menggunakan pinggan dan gelas pakai buang susulan daripada gangguan bekalan air yang berlaku.

Jelas Hakimsa, bekalan air di premisnya sudah terganggu sejak Jumaat

lalu ekoran insiden paip pecah dan ia pulih pada jam 10 malam kelmarin.

“Namun, pagi tadi (semalam) bekalan air terputus semula.

“Bila bekalan air tiada, kami tidak dapat mencuci pinggan mangkuk dan disebabkan itu, saya guna alternatif lain bagi memastikan perniagaan berjalan seperti biasa,” katanya.

Katanya, beliau turut menyimpan bekalan air untuk kegunaan pelanggan dan pekerja di dua cawangan restorannya itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **20 October 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita rakyat bergelut Covid-19, jangan politikkan isu air
Muka Surat	:	11

Sultan Selangor dukacita rakyat bergelut Covid-19, jangan politikkan isu air

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menzahirkan dukacita berikutan rakyat negeri ini perlu bergelut dengan penularan wabak koronavirus (Covid-19) dan gangguan bekalan air.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, sejak tahun 2010, Sultan Sharafuddin telah beberapa menulis surat kepada kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berhubung isu bekalan air supaya tidak dipolitikkan dan diatasi dengan segera.

Mohamad Munir berkata, surat baginda yang terkini turut dihantar kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada 8 September lalu berhubung isu gangguan bekalan air berkenaan.

“Baginda memberi nasihat serta beberapa pandangan untuk mengatasi masalah bekalan air bersih tetapi nampaknya ia tidak memberi kesan kerana masih terus berlaku sehingga menyusahkan rakyat yang dikasihi,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Selangor Royal Office memberitahu, antara intipati surat



SULTAN SHARAFUDDIN

Sultan Sharafuddin itu ialah baginda mahukan tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil termasuk merobohkan rumah, kilang haram yang berpotensi mencemarkan sungai di Selangor.

“Sultan Sharafuddin juga menzahirkan kebimbangan terhadap peningkatan kes Covid-19 di negeri ini.

“Baginda menyeru rakyat agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan tidak ingkar kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Nasional (MKN).

“Sultan Selangor amat menghargai usaha doktor dan jururawat serta petugas barisan hadapan yang bersungguh-sungguh memberi rawatan kepada pesakit Covid-19,” katanya.

Jelas Mohamad Munir, Sultan Sharafuddin mendapat maklumat bahawa terdapat ramai rakyat yang masih tidak ingkar SOP ditetapkan.

“Baginda turut menasihatkan rakyat supaya terus berada di rumah serta tidak keluar jika tiada keperluan mendesak dan hendaklah sentiasa memakai pelitup muka apabila berada di tempat awam,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
20 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kualiti perkhidmatan Air Selangor dipersoal
Muka Surat	:	16

Kualiti perkhidmatan Air Selangor dipersoal



ANALISIS MUKA 16

TUAN BUQHAIRAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN

Kelmarin, baru sahaja Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengumumkan gangguan bekalan air akibat paip pecah di 686 kawasan yang melibatkan lima buah wilayah iaitu Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor akan pulih sepenuhnya dalam tempoh dua hari.

Namun, tidak sempat ia diselesaikan sepenuhnya, timbul pula insiden pencemaran sumber air mentah yang dikesan di Sungai Selangor pada jam 2 pagi semalam.

Gangguan tersebut melibatkan lebih 1.2 juta pemegang akaun di 1,292 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Pada bulan ini sahaja, terdapat sekurang-kurangnya tiga insiden gangguan air di negeri paling maju itu iaitu pada 4, 18 dan 19 Oktober 2020.

Gangguan bekalan air bukan sahaja menjejaskan sektor industri, malah seisi rumah tatkala warga Lembah Klang sedang menjalani pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memutuskan rantaian pandemik koronavirus (Covid-19).

Bayangkanlah nasib lima sekeluarga termasuk anak-anak kecil di dalam sebuah rumah yang terpaksa

menghadapi keadaan tersebut. Ia sudah tentu sedikit sebanyak 'menyesakkan' otak ketua keluarga.

Bagi mereka yang tidak dapat bekerja sepanjang tempoh PKPB, gangguan air seolah-olah meletakkan garam pada luka.

Hendak dimarahi anak-anak kecil yang berpesta sisa air di bilik mandi atau berulang ke tandas, mana mungkin.

Lantas, laman komentar Air Selangor menjadi tempat meluahkan kekecewaan dan kemarahan sama ada terhadap syarikat berkenaan mahupun kepada pihak yang menyebabkan insiden tersebut.

Tempias

Malah, ada warga maya secara sinis 'menyeru' pusat perubatan Islam merawat Air Selangor yang sering sahaja mengalami gangguan.

Turut menerima tempias ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari. Beliau sudah tentu menggalas tanggungjawab berkenaan bagi memastikan seluruh pelosok dan rakyat di negeri itu kembali menikmati titisan air bersih.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, Najwan Halimi menerusi ciapannya melontarkan persoalan, apakah ada unsur sabotaj atau khianat sehingga acapkali sumber air dicemar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kekerapan berlakunya insiden henti tugas tidak berjadual mutakhir ini perlu disiasat dan tindakan tegas wajib diambil oleh kerajaan negeri," ciap beliau.

Bagaimanapun, rakyat perlu memahami bahawa tindakan Air Selangor ataupun Lembaga Urus



Pada bulan ini sahaja, terdapat sekurang-kurangnya tiga insiden gangguan air di negeri paling maju itu iaitu pada 4, 18 dan 19 Oktober 2020. Gangguan bekalan air bukan sahaja menjejaskan sektor industri, malah seisi rumah."

Air Selangor (LUAS) yang memuktuskan untuk menghentikan operasi tugas Loji Rawatan Air (LRA) apabila mengesan sesuatu yang tidak kena adalah untuk menjamin keselamatan pengguna.

Tidak dapat dibayangkan sekiranya LRA meneruskan tugasnya meskipun terkandung bahan kimia di dalamnya yang sudah tentu mendatangkan bahaya dan risiko kepada pengguna.

Justeru, sebagai rakyat, yang kita dapat lakukan adalah mengurus dada dan beristighfar sekiranya amarah itu muncul.

Seeloknya, kita berjemaah mendoakan pelakunya diheret ke muka pengadilan dan dijatuhi hukuman yang setimpal bagi memastikan kejadian sama tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Ini kerana doa-doa manusia yang teraniaya itulah yang menjadi 'senjata tajam'.

** Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan ialah wartawan Sinar Harian.*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Dron Teknologi Tinggi Bakal Pantau Sungai Di Selangor
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COMPOUND REDUCTION
Muka Surat	:	2

COMPOUND REDUCTION

MBSA is offering up to 50% compound reduction until Oct 31. This is applicable for compounds under selected by-laws such as parks, vandalism and food handling. In addition, parking compounds will be given a RM30 reduction from the original fine. Payment can be made at Wisma MBSA and MBSA branch offices in Sungai Buloh, Kota Kemuning and Shah Alam. Parking compounds can also be paid via Maybank2U and JomPay. For details, call 03-5510 5133 ext 1477 / 1656 / 1657 / 1658 or visit www.mbsa.gov.my



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
20 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Guardian of postal heritage
Muka Surat	:	2



Stamping its mark

The 8,580sq m purpose-built Stamp Museum, to be completed by 2022 in Shah Alam, Selangor, hopes to acquire 30,000 artefacts as part of efforts to record the nation's postal history. >2&3



Guardian of postal heritage

Upcoming stamp museum looking for contributors to enrich collection, educate public on mail service



As a first step towards the development of the Selangor State Museum, the Department of Culture and Heritage is looking for contributors to enrich the collection of the upcoming Stamp Museum. The museum, which is expected to be completed by 2022, will house a collection of 30,000 artefacts, including stamps, postcards, and other postal-related items. The museum will also serve as a center for education and public engagement on the history and significance of the postal service in Malaysia.



Stamping its mark: A hand stamping a document with a red ink stamp. The stamp features the text 'Selangor 1988' and '100th Anniversary of the Selangor State Museum'.



Upcoming stamp museum: A man looking at a collection of stamps and postal-related items.

The museum will be a landmark addition to the Selangor State Museum, which is currently under construction in Shah Alam. The museum will house a collection of 30,000 artefacts, including stamps, postcards, and other postal-related items. The museum will also serve as a center for education and public engagement on the history and significance of the postal service in Malaysia. The museum will be a landmark addition to the Selangor State Museum, which is currently under construction in Shah Alam.

[This section contains the main body of the newspaper page, which is mostly illegible due to the low resolution of the scan. It appears to contain multiple columns of text and possibly other images.]



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBPJ ANNOUNCEMENT
Muka Surat	:	2

MBPJ ANNOUNCEMENT
Petaling Jaya City Council's (MBPJ) drive-through counter at its head-quarters is closed for maintenance works. All payments can be done online via ePay@MBPJ.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
20 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Selected morning, night markets to operate
Muka Surat	:	2

Selected morning, night markets to operate

By EDWARD RAJENDRA
 edward@thestar.com.my

FIVE daily morning markets and 32 night markets in Klang have been allowed to operate under the conditional movement control order (MCO) but will have to follow strict standard operating procedures (SOP).

Four morning markets that operate once a week have also been allowed to open.

There are a total of 58 night markets and 14 morning markets in the Klang district, which operate on different days of the week.

MPK Wet Market and Hawkers Department director Azhar Samsudin said the markets were being opened in stages based on feedback from District Health Department and the council's assessment.

"Our aim is to have all the markets reopened, but it has to be done in stages after taking feedback into consideration as well as council enforcement manpower constraints," he added.

"Now, with a total of 41 markets operating, it has stretched our manpower as measures include separate entrances and exits, a guided walk path, controlled num-



One of the daily morning markets allowed to operate during the conditional MCO is Taman Eng Ann, Klang.

ber of people at any given time and enforcement officers stationed at each site.

"Our current approach will see 32 night markets and five morning markets operate under strict SOP as our aim is to keep traders and customers safe."

Azhar added that the trading areas allowed to reopen were part of efforts to get the local economic engine moving and Klang District Health Office would conduct spot

checks to gauge if traders and customers abided by the SOP.

"Stalls within market areas that fail to follow the SOP can be shut down while customers who fail to wear a mask risk being issued fines.

"Simple SOP, based on how traders and customers conduct themselves, will be taken into account before a decision is made to reopen other trading areas," he said.

The Klang district has the most



Azhar says only selected markets are allowed to trade because of manpower constraints.

night and morning market trading lots in Selangor.

"On a given night, we have at least 10 night markets in different locations and we need enforcement, licensing and health personnel there.

"MPK will iron out the arrangements for smoother operations," he added.

Azhar advised all visitors to these markets to wear face masks, practise social distancing and wash their hands frequently.

"Night and morning market traders are also not allowed to employ foreigners," he said.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
20 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	TRAFFIC MATTERS
Muka Surat	:	2

TRAFFIC MATTERS

- There will be a road closure and traffic diversions on Jalan Salam, Bandar Botanik, Klang (opposite Gamuda Land/Kesas-bound) until Oct 21, from 10pm to 5am.
 - There will be road closures and traffic diversions on Persiaran Kerjaya, Shah Alam (from Denso to CSE Automotive Technologies, both directions) until Nov 2, from 11pm to 5am.
 - There will be road closures and traffic diversions on Jalan Jambatan Kota, Klang (from MPK to South Klang traffic police station, both directions) until Nov 30, from 11pm to 5am.
- All closures are to facilitate LRT3 construction works. For details, call the LRT3 hotline 1-800-18-2585.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
20 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MB: Probe under way on Sungai Selangor pollution
Muka Surat	:	3

MB: Probe under way on Sungai Selangor pollution

KLANG: A police report has been lodged over the odour pollution in Sungai Selangor which has left millions of consumers in most parts of the Klang Valley high and dry.

"Investigation is under way," said Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari after visiting the area of contamination yesterday.

Amirudin, who visited the site at the Sungai Selangor Phase (SSP) 2 Raw Water Intake Plant in Bestari Jaya, also said in a Facebook post that rehabilitation work was underway.

Meanwhile, Environment and Water Minister, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, who also visited the site, said his ministry was work-

ing at identifying where the pollution had come from.

"We suspect that the pollution may have come from a factory.

We have identified and shortlisted three or four locations to be investigated for the source of the contamination," Tuan Ibrahim told reporters at the site yesterday.

He said initial investigations indicated the odour pollution was caused by a solvent which smelled similar to the contamination that had occurred in September.

"The ministry had identified several industrial areas as the source of pollution (in September)," he said, confirming that the matter was still

being investigated.

The minister said it was also not ruled out that illegal factories operating around Selangor could have dumped the solvent in the river.

He added that factories licensed by the ministry would generally undergo regular inspections to ascertain there was compliance before licences were renewed.

The Selangor Water Management Authority had countered the contamination by releasing 285 million litres per day (MLD) from HORAS 600 and pumped 336 (MLD) water from alternative ponds to dilute the Sungai Selangor water.

The contamination yesterday had

shut down Phases 1, 2 and 3 of the Sungai Selangor water treatment plant as well as the Rantau Panjang water treatment plant which supplied water to some five million consumers.

Meanwhile, Association of Water and Energy Research Malaysia president S. Piarapakaran said it was time to speed up the delayed completion of the Langkat 2 Water Treatment Plant.

"When Langkat 2 is completed, it will increase the water supply by 15% to 20%.

"In the event similar incidents happen again, fewer households will be affected," he said.

Apart from that, said Piarapakaran, the state government must also create a database of all the factories and manufacturing plants that were potential river polluters so that it would be easy to monitor them.

He added that when the current factories were relocated to prevent pollution of water sources, serious efforts must also be in place to ensure new ones did not sprout up.



RM2mil drones to be used to catch water polluters
 See page 4



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
20 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	'Review the control system'
Muka Surat	:	3



'Review the control system'

Residents demand immediate action to ensure no more water disruptions

PETALING JAYA: Selangor residents are calling for Progressive Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) senior management to immediately rectify the frequent water supply disruptions.

Consumers grew impatient after another round of dry taps followed a major unscheduled water cut — the third in a month.

On Facebook, Jua Bee questioned the lack of contingency plans by Air Selangor.

"Water cut, water cut, water cut! So many times in just a few months. Never forever no back up plan plan despite this happening a million times."

"Please water supply teams did every Why is there no contingency to back up plans? Why is there no back up clean water? What a joke," she said.

Remembh Soong called for Air Selangor to get their act together and improve on their shortcomings.

"Every other day, water disruption due to burst pipes, faulty pumps and pollution. Please get your act together and take immediate action to rectify your shortcomings."

"It's no longer an excuse to have constant water disruptions," he said.

Sen Tiern Cheong urged Air Selangor staff to do their job properly.

"Review your control. Please quit if you can't think of a solution," said Sita.



"Luckily my boss allowed me to come in later."

"The last similar and major disruption was barely over a month ago and my house was without water supply for two days."

"We have to face similar disruptions several times throughout the year, year in and year out."

"Why hasn't this been sorted out after so long?" she questioned, adding that red zones areas along the main rivers in the Klang Valley should be sealed off from public access to prevent dumping of pollutants.

Christy Nordin, from Subang Jaya, said her 75-year-old mother, had digestive problems and needed to wash herself several times a day.

"We have no choice but to wait for the water tanks to come, even if it means leaving the house until the tanks come."

She also criticised the state government's slogan branding, saying it was not do-what-Selangor.

"How can we claim to be the most progressive and innovative state if such a basic requirement for the people is not even met?" Christy said.

Farhana Fatimah also expressed her disappointment over yet another round of water cuts.

"I am getting tired of Air Selangor. They're very consistent with income-takers," she said.

Janet Sam lamented the situation and wondered when the water supply would resume.

"What actions will be taken so that it doesn't happen again? It's happening too often."

"I think we the rakyat have enough of it, especially during a pandemic," he said.

